

12 JUL 1999

Mahathir-Pembangkang

PAKATAN PEMBANGKANG SEMAKIN RETAK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pakatan pembangkang yang sudahpun menunjukkan tanda-tanda retak, akan menghadapi lebih banyak masalah di masa depan.

"Mereka tidak boleh bersetuju dengan banyak perkara," kata beliau kepada Rico Huzon, pengendali program Asia Market Wrap di rangkaian televisyen CNBC Asia.

Dr Mahathir berkata, parti-parti pembangkang bertelagah sesama sendiri walaupun mereka belum memenangi apa-apa.

Beliau berkata, sebagai contoh terdapat percanggahan antara parti-parti pembangkang terhadap ugutan PAS untuk membawa keluar Perlis dari Malaysia jika parti itu menawan negeri itu dalam pilihan raya akan datang dan Kerajaan Persekutuan menghentikan peruntukan pembangunan.

Dr Mahathir berkata, beliau meramalkan lebih banyak masalah bagi pembangkang menjelang pilihan raya nanti.

Dr Mahathir berkata, percanggahan antara parti-parti pembangkang terhadap komplot PAS untuk membawa keluar Perlis dari Malaysia untuk menjadikan negeri itu sebuah negara Islam dengan jelas menunjukkan keretakan yang semakin ketara di kalangan mereka.

Komplot PAS itu didedahkan oleh salah seorang daripada ulama parti itu, Datuk Dr Harun Din.

Ditanya sama ada peruntukan kerusi dalam pilihan raya akan datang merupakan satu-satunya masalah yang dihadapi pakatan pembangkang, Dr Mahathir berkata: "Akan ada lebih banyak masalah daripada itu."

Perdana Menteri berkata, beliau yakin yang isu peruntukan kerusi itu antara masalah utama bagi pembangkang.

"Tetapi akan ada banyak lagi masalah," katanya.

Ditanya jika pakatan pembangkang dapat menafikan Barisan Nasional (BN) majoriti dua pertiga dalam pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Mereka mungkin berharap demikian tetapi seperti yang anda tahu mereka sendiri menghadapi masalah."

Ditanya bila pilihan raya akan diadakan, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN dan presiden Umno berkata: "Bila-bila sebelum Julai tahun depan." Pilihan raya umum lepas diadakan pada April 1995.

Apabila Hizon terus mendesak dan menanya Perdana Menteri sama ada pilihan raya akan diadakan tahun ini, Dr Mahathir berkata: "Saya belum lagi tahu. Saya tidak boleh memberi anda sebarang jaminan."

Ditanya mengenai pengaruh pembangkang dalam pilihan raya kali ini, Dr Mahathir berkata menurut "pemerhati lain", pembangkang mempunyai pengaruh besar.

"Tetapi, mereka menyatakan perkara yang sama pada 1990 dan 1995 (dua pilihan raya umum sebelum ini) yang pembangkang akan menang. Tetapi mereka tewas teruk," kata Dr Mahathir.

"Jadi, mungkin kita tahu sesuatu yang lain tidak tahu," katanya.

Ditanya mengenai, keputusan Kementerian Penerangan untuk tidak memberi peluang kepada pembangkang menyuarakan pandangan mereka melalui RTM, Dr Mahathir berkata BN tidak diberi peluang oleh media asing "kerana media asing memulaukan kita."

"Mereka hanya menemubual mereka yang mesra dengan pembangkang. Jadi, itu tidak adil. Mereka (pembangkang) menyimpan semua untuk diri mereka dan mereka mahukan apa yang kita ada pula," katanya.

Mengenai spekulasi tempoh kempen hanya selama sembilan hari dalam

pilihan raya akan datang, Dr Mahathir berkata: "Kita pernah berbuat demikian sebelum ini dan tiada siapa mengadu. Kita mengadakan tempoh berkempen selama sembilan hari dalam tiga pilihan raya terakhir."

Ditanya berapa kerusi akan dimenangi oleh Umno jika pilihan raya diadakan hari ini, Perdana Menteri membawa perhatian Hizon kepada pilihan raya negeri Sabah Mac lepas.

Dr Mahathir berkata: "Apabila kita (Umno) bertanding di Sabah, mereka kata kita akan tewas. Tetapi kita (Umno) menang semua kerusi di Sabah."

"Ramai akan meramalkan Umno akan tewas (dalam pilihan raya umum akan datang). Kita akan tunggu dan lihat siapa yang betul dan siapa yang salah," kata Dr Mahathir.

Semasa temubual selama 30-minit itu, Dr Mahathir juga ditanya mengenai pelan persaraan selepas pilihan raya umum nanti.

"Saya perlu bersara dalam sedikit masa selepas pilihan raya. Saya tidak tahu sama ada ia akan berlaku kelak atau lambat laun tetapi saya sentiasa sedia bersara," katanya.

Ditanya sama ada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menggantikannya, Dr Mahathir berkata: "Dalam sistem kita, beliau pengganti yang paling mungkin."

Ditanya sama ada penyingkiran beberapa anggota Umno baru-baru ini boleh menjejaskan kekuatan parti, Dr Mahathir berkata tiada anggota majlis tertinggi meletakkan jawatan.

Dr Mahathir juga berkata, sokongan bagi Umno di peringkat akar umbi masih kuat.

Mengenai sejauh mana bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan isu di Malaysia, Dr Mahathir berkata ia semakin luntur.

"Ia bukan lagi isu besar sekarang. Tetapi masih ada orang yang belum yakin dan kita akan berusaha untuk meyakinkan mereka yang tindakan kita adalah betul," katanya.

Anwar dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept lepas dan daripada Umno sehari kemudian. Beliau kini menjalani hukuman penjara enam tahun di penjara Sungai Buloh kerana amalan rasuah.

Ditanya sama ada beliau sedia hadapi cabaran isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga presiden Parti Keadilan Nasional di Kubang Pasu, iaitu kawasan pilihan raya beliau, Dr Mahathir berkata Wan Azizah boleh bertanding di mana-mana dan sedia menerima cabarannya.

Mengenai hubungannya dengan media asing, Dr Mahathir mengakui ia tidak begitu baik.

"Media barat nampaknya mempunyai alasan untuk tidak menyukai saya dan mereka akan berbuat apa sahaja untuk memberikan imej buruk bagi saya."

"Di sebaliknya, apabila orang dari Amerika dan Eropah datang ke Malaysia mereka benar-benar mengubah fikiran (mempunyai pandangan baru mengenai negara ini)," katanya.

Dr Mahathir berkata, seorang doktor dari California yang beliau temui semalam memberitahunya beliau terkejut apabila mendapati negara ini jauh berbeza daripada laporan negatif media barat.

-- BERNAMA

ES PR